KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

LAPORAN HARIAN AHAD, 8 JUN 2025



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




8/6/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **NANCY SANTUNI PENDUDUK KG TABUAN HILIR SEMPENA MAJLIS IBADAH KORBAN** | | POSITIF |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2025/06/07/nancy-santuni-penduduk-kg-tabuan-hilir-sempena-majlis-ibadah-korban | UTUSANBORNEO.COM.MY | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2025/06/07/pembesaran-jalan-di-kg-tabuan-melayu-hanya-dapat-dilaksana-selepas-pemindahan-penduduk | UTUSANBORNEO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **ALARMING RISE IN SEXUAL ASSAULT CASES** | | POSITIF |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/259896/alarming-rise-in-sexual-assault-cases/ | DAILYEXPRESS.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **THOUSANDS BENEFIT FROM WELFARE DEPT’S GAWAI AID** | | POSITIF |
| | https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2025/06/07/thousands-benefit-from-welfare-depts-gawai-aid | THESTAR.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **SUPP LAMBIR ANJUR KARNIVAL KESEDARAN PEMERIKSAAN KESIHATAN PADA 15 JUN** | | POSITIF |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2025/06/07/supp-lambir-anjur-karnival-kesedaran-pemeriksaan-kesihatan-pada-15-jun | UTUSANBORNEO.COM.MY | |
| | https://www.theborneopost.com/2025/06/07/supp-lambir-to-host-health-awareness-carnival-on-june-15/ | THEBORNEOPOST.COM | |




8/6/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **BUDAK MAUT JATUH TINGKAT 30: POLIS RAKAM KETERANGAN BAPA** | | NEUTRAL |
| | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/budak-maut-jatuh-tingkat-30-polis-rakam-keterangan-bapa | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/732636/berita/semasa/kanak-kanak-maut-terjatuh-apartment-bapa-mangsa-direkod-keterangan---polis#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/06/1405535/kanak-kanak-jatuh-tingkat-30-keterangan-bapa-diambil | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/06/07/bapa-kanak-kanak-jatuh-tingkat-30-dirakam-keterangan-hari-ini/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=tpbvySyYpCE | YOUTUBE | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **POLIS TANGKAP SUSPEK BELASAH BEKAS ISTERI** | | NEUTRAL |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/259906/polis-tangkap-suspek-belasah-bekas-isteri/ | DAILYEXPRESS.COM.MY | |




# Nancy santuni penduduk Kg Tabuan Hilir sempena majlis ibadah korban

Jun 7, 2025, Sabtu - 8:26pm




Nancy (dua kiri) melakukan simbolik melapah daging korban pada Majlis Ibadah Korban Zon Tabuan sempena Hari Raya Aidiladha, hari ini.

KUCHING: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri menyantuni penduduk Kampung Tabuan Hilir untuk mengadakan ibadah korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha di Masjid Darus Sa'adah kampung tersebut, hari ini.

Majlis Ibadah Korban Zon Tabuan itu dianjurkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Sarawak dengan kerjasama Pusat Khidmat Parlimen P.193 Santubong, JKP Masjid Darus Sa'adah dan JKKK Kampung Tabuan Lama.

"Semangat perpaduan ini mesti terus dipupuk sebagai amalan yang berakar umbi dalam masyarakat kita.

"Ibadah korban bukan sahaja tuntutan agama, tetapi juga sebagai satu cara untuk memupuk perpaduan, belas kasihan dan agihan rezeki dalam kalangan semua lapisan masyarakat," katanya.

Nancy berkata, penyertaan ramai penduduk pada majlis itu mencerminkan peningkatan kesedaran dalam kalangan umat Islam tentang kepentingan ibadah korban yang membawa ganjaran rohani yang besar.

Dua ekor lembu ditumbangkan pada majlis tersebut yang disertai 14 individu.

Acara itu juga adalah sebahagian daripada siri program serupa yang dianjurkan di tiga zon di kawasan Parlimen Santubong.

Nancy berkata, majlis tersebut diadakan dengan kerjasama YADIM bagi memastikan penyertaan masyarakat yang lebih luas melalui kerjasama dan jangkauan strategik.

"Usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen kami untuk menggalakkan penglibatan masyarakat, terutamanya generasi muda dalam majlis seperti ini,," ujarnya.

Beliau turut menggalakkan lebih banyak jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK), institusi dan pertubuhan tempatan bekerjasama dengan YADIM untuk menganjurkan program serupa.

"Marilah kita memastikan semangat pengorbanan melangkaui perayaan ini, melalui perbuatan baik yang berterusan, persefahaman dan saling menghormati dalam kehidupan seharian kita," tambahnya.

Turut hadir Penghulu Tabuan Melayu Amnah Dollah dan Pengarah YADIM Awang Dulhadi Awang Mat.

# Alarming rise in sexual assault cases

Published on: Saturday, June 07, 2025
By: Lagatah Toyos




Dr Joachim presenting an Anti-Sexual Harassment Notice to Tawau Ministry of Health Training Institute Director Dr [illegible]

**TAWAU:** A concerted effort from all parties is crucial to address the rising issue of sexual harassment, which has shown a significant increase nationwide, said Deputy Chief Minister cum Minister of Local Government and Housing, Datuk Seri Dr Joachim Gunsalam.

He noted that based on reports from the police there were 477 sexual harassment cases recorded in 2022, which rose to 622 cases in 2023 and surged further to 788 cases in 2024.

As of March this year alone, 214 cases have already been reported, including five in Sabah.

He said the increasing numbers reflects the severity of sexual harassment and the need to raise public awareness while strengthening support channels for victims.

"Sexual harassment is an immoral act that can happen to anyone, regardless of gender, age, race or religion.

"This issue must be addressed early because if left unchecked, it can lead to more serious crimes such as rape and violence against women," he added.

Dr Joachim said this at the closing ceremony of the Women, Family, and Community Development Ministry's (KPWKM) 2025 Kembara Kasih Programme at the Tawau Sports Complex Hall here on Saturday.

Present were KPWKM Deputy Secretary-General (Operations) Farah Adura Hamidi, representing the KPWKM Minister, Assistant Minister to the Chief Minister Datuk Nizam Abu Bakar Titingan, Tawau MP Datuk Lo Su Fui, Balung Assemblyman Datuk Hamid Awang and Kukusan Assemblywoman Datuk Rina Jainal.

Dr Joachim welcomed KPWKM's initiative in establishing the Tribunal for Anti-Sexual Harassment (TAGS) as an alternative to civil courts, providing a faster, easier and more cost-effective complaint process.

Thus, he urged more victims to come forward and seek justice.

He said violence against women is not an isolated issue, but many victims remain silent due to stigma, social pressure or a lack of awareness about available support channels.

"We all have a responsibility to create a safe environment and support victims in standing up for their rights," he said.

Earlier, he commended the Ministry's Kembara Kasih Programme, which covered six districts in Sabah, namely Tuaran, Papar, Penampang, Lahad Datu, Kunak and concluded in Tawau.

The programme saw the implementation of 34 initiatives by various agencies under KPWKM, targeting vulnerable groups such as women, children, the elderly and persons with disabilities.

Dr Joachim, accompanied by his wife Datin Seri Linda Ewit, also expressed appreciation to the organisers for choosing Sabah as this year's Kembara Kasih destination.

During the event, he presented Anti-Sexual Harassment Notices to relevant departments and agencies as a symbolic commitment by the government to prevent such crimes.

# Thousands benefit from welfare dept's Gawai aid

METRO NEWS

Saturday, 07 Jun 2025



Sambang (third from right) presenting the aid to a recipient while Mohamad Razi looks on.

THE Sarawak Welfare Department (JKM) distributed RM98.8mil in aid to 55,184 recipients statewide between January and April this year.

State Women, Childhood and Community Well-being Development Deputy Minister Datuk Mohamad Razi Sitam said the assistance was channelled through various schemes, including aid for senior citizens, children, disabled individuals, and foster youth.

"This support eases their financial burden and encourages better living," he said at the "Sejambak Kasih Gawai" programme.

As part of the programme, 24,101 individuals across Sarawak received festive aid.

Each eligible recipient received RM100 in cash and hampers worth RM80.

Mohamad Razi said Sarawak JKM has provided festive assistance for over 20 years.

He said this initiative could ease the people's financial burden during the festivities.

"This aid should inspire recipients to improve their lives and remind us to be grateful and supportive of one another," he added.

Also present at the event was Tamin assemblyman Christopher Gira Sambang.

# SUPP Lambir anjur Karnival Kesedaran Pemeriksaan Kesihatan pada 15 Jun

Jun 7, 2025, Sabtu - 12:07pm



Ahli jawatankuasa SUPP Lambir untuk Karnival Kesedaran Pemeriksaan Kesihatan pada 15 Jun.

MIRI: Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) cawangan Lambir akan menganjurkan Karnival Kesedaran Pemeriksaan Kesihatan pada 15 Jun.

Aktiviti akan diadakan di dewan parti di alamat Lot 563, Block 5, Lambir Land District, Jalan Tukau bermula jam 8.30 pagi hingga 1 petang.

Menurut kenyataan dari penganjur, aktiviti mendapat sokongan orang awam dan agensi.

Antaranya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menerusi Klinik Nur Sejahtera, Jabatan Pergigian Kementerian Kesihatan Miri, International Optical Co, Best Hearing Aid Centre Miri dan Amcal Pharmacy Sdn Bhd.

Karnival bertujuan menawarkan pemeriksaan kesihatan yang memanfaatkan penduduk setempat selain memberi kesedaran tentang kepentingan pemeriksaan kesihatan, memahami tahap kesihatan sendiri dan mencegah penyakit dengan pengesanan awal.

Turut dikendalikan ialah peraduan mewarna untuk kanak-kanak yang terbahagi kepada kategori tadika, pelajar Tahun Satu hingga Tiga dan Tahun Empat hingga Enam.

Setiap peserta akan menerima hadiah cenderahati dari penganjur.

Memandangkan jumlah penyertaan yang terhad, ibu bapa diminta menghubungi Lim Lay Cheng di talian 016-872 5634 atau Lee Pei Pei di talian 012-807 5843.

Aktiviti lain ialah Kios Foto, sesi hadiah bertuah, program nyanyian dan tarian.

Turut disediakan ialah kaunter pertanyaan tentang Kenyalang Gold Card, manfaat kesihatan warga emas, PeKa B40 dan Sumbangan Keperluan Asas (SKAS).

# Budak maut jatuh tingkat 30: Polis rakam keterangan bapa

Jenayah - Dicipta: 07 Jun 2025 08:36 PM



*gambar hiasan*

***KUALA LUMPUR, 7 Jun-*** Polis akan mengambil keterangan bapa kepada kanak-kanak lelaki berusia empat tahun yang maut dipercayai terjatuh dari tingkat 30 sebuah di sebuah pangsapuri di Jalan Jalil Impian 1 Bukit Jalil.

Timbalan Ketua Polis Daerah Cheras, Superintendan Ridzuan Khalid berkata keterangan akan diambil kira-kira pukul 9 malam ini.

"Keterangan saksi pakar dan saksi lain akan dirakam pada Selasa minggu depan," katanya menerusi satu kenyataan kepada media.

Menurut beliau, kes tersebut masih dalam siasatan dan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dalam masa terdekat

Terdahulu, dilaporkan polis telah menahan ibu dan bapa saudara mangsa.

Ketua Polis Daerah Cheras, ACP Aidil Bolhassan memaklumkan kedua-dua mereka yang merupakan warga Indonesia berusia 25 dan 27 tahun, direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001.

Semakan mendapati bapa kanak-kanak terbabit adalah warga tempatan dan berkahwin dengan ibu mangsa yang merupakan warga Indonesia.

Dilaporkan kanak-kanak lelaki tersebut maut dipercayai terjatuh dari balkoni rumahnya, Khamis lalu.

# Polis tangkap suspek belasah bekas isteri

Published on: Saturday, June 07, 2025
By: Amir Anuar



**TAWAU:** Polis menangkap seorang lelaki tempatan yang disyaki membelasah bekas isterinya sehingga mengalami kecederaan di sebuah kawasan perumahan di Jalan Kubota, di sini pada Khamis.

Ketua Polis Daerah Tawau ACP Jasmin Hussin berkata suspek berumur 36 tahun itu diberkas oleh sepasukan polis kira-kira jam 12 tengah hari.

"Mangsa berumur 31 tahun mengadu punca kecederaan pada bahagian muka dan badannya akibat perbuatan bekas suaminya," katanya di sini, pada Jumaat.

Jasmin berkata suspek dilaporkan mendatangi bekas isterinya di tempat kerja di salah satu premis di Kubota Square Tawau kira-kira jam 4.50 pagi sebelum memukul wanita terbabit.

Mengulas lanjut, tindakan agresif lelaki terlibat dipercayai berlaku apabila permintaannya untuk berbaik-baik semula dengan bekas isterinya itu tidak diterima oleh wanita berkenaan.

"Mangsa turut mengadu kejadian terbabit bukan pertama kali berlaku kerana dirinya selalu dipukul oleh suspek sebelum memutuskan untuk tampil membuat laporan polis," katanya.

Menurutnya, suspek kini berada dalam tahanan polis dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan Seksyen 18 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Beliau berkata, semakan rekod jenayah lampau lelaki terbabit juga mendapati dia pernah menerima hukuman di bawah Seksyen 5 (1) (a) (ii) Ordinan Hiburan Awam 1958.